

**APLIKASI TEKNOLOGI KOMPUTER DALAM INDUSTRI BATIK:  
SATU TINJAUAN DI TERENGGANU**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGGOMERSILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NORIZAN MOHAMAD  
PROF MADYA KHALIL HAJI AWANG  
PROF MADYA NURSURIATI JAMIL**

**MAC 2006**

## PENGHARGAAN

Kami para penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyelidikan ini. Kerjasama semua pihak membolehkan penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Encik Zahari, Pengurus Syarikat Warna Sutera Batik, yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Pengusaha Batik Terengganu. Kerjasama beliau menjemput penyelidik menyertai seminar "*Peningkatan Prestasi Produktiviti dan Kualiti untuk Industri Batik*" pada 10 Mei 2005 telah memberikan banyak maklumat kepada penyelidik. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pengusaha batik yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan UiTM Terengganu yang telah menyokong usaha penyelidikan ini, Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Pembantu Penyelidik, Encik Nik Khairul Anuar yang telah membantu menyiapkan projek penyelidikan ini.

Sekian.

Norizan Mohamad

Nursuriati Jamil (Prof Madya)

Khalil Hj Awang (Prof Madya)

Januari 2006

## ABSTRAK

Industri batik yang dulu lebih dikenali sebagai industri kampung kini telah diiktiraf sebagai satu industri yang memberikan sumbangan yang membanggakan kepada negara. Kewujudan teknologi komputer yang khusus direka untuk industri batik iaitu ICATS dan perisian Atext Design sepatutnya digunakan sepenuhnya oleh pengusaha batik. Tambahan pula, penggunaan Internet seharusnya memberikan peluang yang lebih besar bagi pengusaha batik untuk mempromosikan produk mereka seterusnya mewujudkan peluang-peluang perniagaan baru. Malah kebanyakan agensi kerajaan yang menawarkan bantuan kepada pengusaha tempatan turut menyalurkan maklumat perkhidmatan melalui laman web. Justeru, pengusaha batik perlu memastikan mereka tidak ketinggalan dalam merebut peluang yang dibawa oleh arus kemajuan teknologi terkini. Malangnya, tiada kajian yang khusus telah dibuat ke atas pengusaha-pengusaha batik mengenai tahap pengetahuan mereka dalam penggunaan pebagai teknologi komputer. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pengetahuan pengusaha-pengusaha batik dalam penggunaan teknologi komputer dan tahap penggunaan teknologi komputer di dalam industri batik. Hasil kajian mendedahkan 70 peratus pengusaha batik langsung tidak tahu menggunakan komputer. Namun demikian, kebanyakan pengusaha bersetuju teknologi komputer membawa banyak kelebihan terutamanya penggunaan Internet. Kajian juga mendapati kebanyakan pengusaha batik berminat untuk memohon program bantuan penerapan dan peningkatan ICT yang ditawarkan oleh agensi kerajaan seperti SMIDEC.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA</b>
	Surat Penyerahan Laporan Akhir Penyelidikan	i
	Penghargaan	ii
	Kandungan	iii
	Senarai Jadual	vi
	Senarai Illustrasi	vi
	Senarai Gambar	vii
	Abstrak	1
<b>SATU</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.0 Pendahuluan	2
	1.1 Perkembangan Proses Inovasi Teknik Penghasilan Batik Di Malaysia	3
	1.2 Batik Tulis	3
	1.3 Batik Skrin	4
	1.4 Batik Blok	4
	1.5 Aplikasi Teknologi Komputer	5
	1.6 Teknologi Khusus Dalam Industri Batik	7
	1.6.1 Integrated Computer Aided System (ICATS)	7
	1.6.2 Atex Design	8
	1.7 Pernyataan Masalah	9
	1.8 Skop Kajian	11
	1.9 Batasan Penyelidikan	11
	1.10 Objektif Penyelidikan	11
	1.11 Kepentingan Penyelidikan	11
	1.12 Definisi Terma	11
<b>DUA</b>	<b>ULASAN KARYA PENULISAN</b>	
	2.0 Teknologi Komputer	13
	2.1 Industri Batik Malaysia	14
	2.2 Pengusaha Batik	15
	2.3 Penggunaan Teknologi Komputer	15
	2.4 Agensi Kerajaan Untuk Membantu Industri Batik	17
	2.4.1 Pusat Inovasi Batik	17

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA</b>
	2.4.2 Program Pembangunan Usahawan Kraf	18
	2.4.3 SME Bank	20
	2.4.4 BiRDA	20
	2.4.5 SMIDEC	21
<b>TIGA</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.0 Pendahuluan	23
	3.1 Pensampelan	23
	3.2 Kaedah Pengumpulan Data	24
	3.3 Kajian Rintis	24
	3.4 Borang Kajiselidik	24
	3.5 Pembolehubah	24
	3.6 Proses Penganalisan Data	25
<b>EMPAT</b>	<b>ANALISA KAJIAN DALAM PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI KOMPUTER DI DALAM INDUSTRI BATIK DI TERENGGANU</b>	
	4.0 Pendahuluan	
	4.1 Maklumat Demografi	26
	4.2 Maklumat Perniagaan Responden	26
	4.3 Penggunaan Komputer	28
	4.4 Tahap Pengetahuan Menggunakan Komputer	29
	4.5 Tujuan Menggunakan Komputer	30
	4.6 Perkakasan dan Perisian Komputer Yang Digunakan	30
	4.7 Pendedahan dan Penggunaan Teknologi Terkini	31
	4.8 Persepsi Mengenai Kemampuan dan Kelebihan Teknologi Komputer	32
	4.9 Kewujudan BiRDA dan Bantuan Kepakaran	33
	4.10 Kewujudan SMIDEC dan Bantuan Kewangan	35
<b>LIMA</b>	<b>TAHAP PENGGUNAAN DAN PENGETAHUAN TEKNOLOGI KOMPUTER</b>	
	5.0 Pengenalan	37
	5.1 Hubungan Antara Tahap Pendidikan Dengan Pengetahuan Menggunakan Komputer	37
	5.2 Hubungan Antara Tahap Pendidikan Dengan Mempunyai Komputer	38
	5.3 Hubungan Antara Tahap Pendidikan Dengan Tahap Pengetahuan	39
	5.4 Hubungan Umur responden Dengan Penggunaan Komputer	40
	5.5 Kesimpulan	41